

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. TUAN WONG LING BIU [ SARIKEI ]**

**TARIKH : 13.10.2014**

**SOALAN :**

**Tuan Wong Ling Biu [ Sarikei ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan terdapat berapakah buah sekolah-sekolah yang beraliran Bahasa Cina mempunyai kekurangan murid yang serius di daerah Meradong dan Sarikei. Apakah tindakan Kerajaan Pusat akan diambil untuk menyelesaikan masalah sekolah yang kekurangan murid.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat 10 buah Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) di daerah Meradong, manakala 17 buah SJK(C) di daerah Sarikei yang diklasifikasikan sebagai Sekolah Kurang Murid (SKM).

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa prihatin dengan masalah SKM dan mengambil inisiatif untuk mengatasi masalah tersebut melalui program sekolah penyayang, melonjakkan pencapaian prestasi akademik sekolah serta menjalankan program sarana ibu bapa. KPM juga sedang melaksanakan kajian berkaitan SKM bagi mengkaji kebolehlaksanaan cadangan menggabungkan SKM jika dipersetujui masyarakat setempat khususnya ibu bapa.